



PRESS RELEASE

BUSINESS SENTIMENT INDEX (BSI) FOR BRUNEI DARUSSALAM FOR JANUARY 2026

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) today published Brunei Darussalam's Business Sentiment Index (BSI) for January 2026. The index is based on surveys conducted on approximately 500 micro, small, medium, and large businesses across 11 economic sectors in all districts of Brunei Darussalam.
2. The monthly index is designed to measure the level of business confidence/sentiment in the country, covering various aspects including current and future business conditions, investment, employment of workers, as well as costs of running the business. With its forward-looking approach, the BSI could serve as a leading macroeconomic indicator for the country.
3. The BSI and sub-indices can be interpreted as below:

BSI value	Interpretation
Above 50	Expansion / Optimism compared to the previous month
50	Similar / No change compared to the previous month
Below 50	Contraction / Pessimism compared to the previous month

4. The main headline index, **Current Business Conditions sub-index**, was recorded at 50.2 in January 2026, indicating that, in general, businesses expected more optimistic business conditions compared to December 2025. Optimism was largely driven by the resumption of normal business activities after the holiday period, renewed demand at the start of the year, upcoming festive-related spending, and the boost from contract renewals and new projects. However, some sectors reported pessimism due to seasonally lower activity and softer consumer spending following the December peak. The one month ahead (1M) index stood at 50.0, suggesting that businesses expect conditions to remain stable in February 2026. Some businesses expressed concerns over reduced operating hours in February, given the shorter month and multiple public holidays, while others anticipated increased sales and demand ahead of the Chinese New Year, Ramadhan, and Eid celebrations.
5. The **Investment sub-index** showed positive signs with both the current month and one month (1M) ahead indices at 50.5, while the index for three months (3M) ahead stood at 50.7. Businesses cited planned investments, including the expansion of premises such as showrooms, offices, and warehouses; the introduction of new products to meet evolving customer preferences; restocking inventories in anticipation of stronger demand; undertaking renovations and upgrades; and project-related purchases of equipment and machinery.

6. The **Employment sub-index** stood at 49.7 for both the current month and one month (1M) ahead. Despite general optimism about business conditions, sentiment towards employment remains subdued, continuing the trend observed in recent months. Businesses reported lower headcount in January 2026 due to contract expiries and staff departures, with some noting workforce adjustments as part of ongoing cost-management measures. For the month ahead, some businesses anticipate further staff departures while planning to recruit new employees, with lengthy hiring processes cited as a challenge.
7. The **Costs sub-index** was 49.7 for the current month and 50.2 for one month ahead. Compared with December 2025, when businesses faced higher operating costs due to year-end bonus payments and marketing expenses associated with year-end sales promotions, operating costs in January 2026 are expected to be lower. Additionally, businesses reported lower salary costs due to a smaller workforce than the previous month. For February 2026, overall business costs are expected to increase moderately, in line with anticipated increased business activities ahead of the festive period.

BSI January 2026	
Current Business Conditions	50.2
1M Ahead Business Conditions	50.0
Current Investment	50.5
1M Ahead Investment	50.5
3M Ahead Investment	50.7
Current Employment	49.7
1M Ahead Employment	49.7
Current Costs	49.7
1M Ahead Costs	50.2

Note: 1M – one month, 3M – three months

8. In terms of **economic sectors**:

	Sector	Index	Factors
Optimistic Sentiment	Health & Education	50.9	The new year and school term are expected to boost activity, driven by higher school enrolments and fee collections, as well as increased patient visits to clinics and hospitals.
	Oil & Gas Related	50.2	Stable production levels.
	Agriculture, Forestry, Fisheries & Livestock	50.1	Mixed sentiment, generally leaning positive due to a rebound in activity and demand after the school holidays. However, adverse weather, including flooding in some areas, is expected to disrupt production and heighten challenges for many small and micro businesses.

No change	Finance & Insurance	50.0	Generally stable, supported by optimism from takaful/insurance companies anticipating gains from mandatory medical coverage and by expectations of normalised activity following December's peak period.
	Hotels & Restaurants	50.0	Mixed sentiment, with restaurants expecting improved demand after the school holidays, while hotels anticipate slower activity than in December.
	Manufacturing	50.0	Stable sentiment, supported by the resumption of normal operations and increased orders ahead of the Chinese New Year and Eid festivities, although weather conditions are expected to affect production for some businesses.
	Other Private Services	50.0	Mixed sentiments, with optimism driven by contract renewals, project awards, participation in events such as the Consumer Fair and Trade Expo, and back-to-normal activities, and pessimism linked to delays in project confirmations.
Pessimistic Sentiment	Construction	49.9	While most businesses reported similar business conditions, the sub-index leaned slightly towards pessimism due to slower business activity.
	Real Estate & Ownership of Dwellings	49.9	Reduced business activities.
	Wholesale & Retail Trade	49.9	Following the end-of-year promotions and peak consumer spending.
	Transport & Communication	49.3	Lower travel demand, as well as data roaming and internet services, after the holiday period.

9. In terms of **business size**:

	Size	Index	Factors
Optimistic Sentiment	Large	50.2	Customer traffic and business activities were anticipated to increase after the school holidays.
	Medium	50.1	
No change	Small	50.0	Neutral sentiments were recorded, indicating mixed sentiments across businesses in different sectors.
	Micro	50.0	

10. The time-series charts for the BSI and its sub-indices since August 2020 can be found in **ANNEX 1**. For more information on the BSI, members of the public can refer to the technical notes on the methodology and statistics on the BDCB website at www.bdcg.gov.bn and follow updates on the BSI through future press releases and BDCB's Instagram account @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Date: 30 Ramadhan 1447H / 20 March 2026M

Ref: BDCB/COMMS/3

ANNEX 1


Business Conditions



Note: For 1M Ahead Business Conditions, the result compares expected business conditions in the month ahead compared to the current month.


For Business Conditions sub-index, above 50 indicates expansion/optimism compared to the previous month. Index at 50 indicates similar/no change compared to the previous month while below 50 indicates contraction / less optimism compared to the previous month.

Investments




Note: For 1M Ahead Investments, the result compares expected investment in the next month compared to the current month while for the 3M Ahead Investment, the result compares expected investments 3 months ahead compared to the current month.

For Investments sub-index, above 50 indicates increased investment compared to the previous month. Index at 50 indicates similar/no change compared to the previous month while below 50 indicates reduced investment compared to the previous month.



Note: For 1M Ahead Employment, the result compares expected employment in the next month compared to the current month.


For Employment sub-index, above 50 indicates more new hires compared to the previous month. Index at 50 indicates similar/no change compared to the previous month while below 50 indicates a reduction in employee headcount compared to the previous month.



Note: For 1M Ahead Costs, the result compares expected costs in the next month compared to the current month.


For Costs sub-index, above 50 indicates an increase in costs, and conversely for below 50. Index at 50 indicates costs were more or less the same in the current month compared to the previous month.

Sectoral BSI – August 2020 to January 2026



Note: An index above 50 indicates expansion/optimism compared to the previous month. Index at 50 indicates no change compared to the previous month while below 50 indicates contraction / less optimism compared to the previous month.

Sentiment by Business Size



Note: An index above 50 indicates expansion/optimism compared to the previous month. Index at 50 indicates similar/no change compared to the previous month while below 50 indicates contraction / less optimism compared to the previous month.



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JANUARI 2026

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan ataupun Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Januari 2026. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik yang dijalankan ke atas sekitar 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi di seluruh negara.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam yang merangkumi pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan, BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

4. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, adalah 50.2 bagi Januari 2026. Ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhannya, keadaan perniagaan lebih optimistik berbanding Disember 2025. Sentimen optimistik ini sebahagian besarnya didorong oleh penyambungan semula aktiviti perniagaan selepas musim cuti, peningkatan permintaan pada awal tahun, perbelanjaan berkaitan musim perayaan, serta aktiviti susulan pembaharuan kontrak dan projek baharu. Walau bagaimanapun, beberapa sektor menzahirkan sentimen pesimistik, terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti bermusim yang semakin berkurangan dan perbelanjaan pengguna yang sederhana berbanding bulan sebelumnya. Indeks satu bulan ke hadapan berada pada tahap 50.0, menunjukkan bahawa perniagaan menjangka keadaan perniagaan akan kekal stabil pada Februari 2026. Walaupun sebahagian perniagaan menyuarakan kebimbangan terhadap waktu operasi yang lebih singkat memandangkan bulan Februari lebih pendek serta mempunyai beberapa cuti awam, terdapat juga perniagaan yang menjangkakan peningkatan jualan dan permintaan menjelang sambutan Tahun Baharu Cina, bulan Ramadhan, dan Hari Raya Aidilfitri.

5. **Sub-indeks Pelaburan** menunjukkan perkembangan yang positif dengan indeks bagi bulan semasa dan satu bulan ke hadapan masing-masing berada pada tahap 50.5, manakala indeks bagi tiga bulan ke hadapan dicatatkan pada tahap 50.7. Perniagaan mengongsikan perancangan pelaburan, termasuk pengembangan premis seperti ruang penjualan, pejabat dan gudang, pengenalan produk baharu untuk memenuhi perubahan cita rasa pelanggan, penstokan semula inventori sebagai persediaan awal bagi peningkatan permintaan, pelaksanaan kerja-kerja pengubahsuaian dan penaiktarafan, dan pembelian peralatan dan jentera khusus bagi projek.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** berada pada tahap 49.7 bagi bulan semasa dan satu bulan ke hadapan. Meskipun terdapat sentimen optimistik terhadap keadaan perniagaan secara keseluruhan, sentimen berkaitan pengambilan tenaga kerja kekal sederhana, seperti tren beberapa bulan kebelakangan. Perniagaan melaporkan pengurangan bilangan pekerja pada Januari 2026 berikutan penamatan kontrak dan perkhidmatan. Sebahagian perniagaan turut berada dalam proses menyelaraskan jumlah tenaga kerja sebagai langkah pengurusan kos. Bagi tempoh satu bulan akan datang, beberapa perniagaan menjangka peletakan jawatan pekerja akan berterusan. Walaupun terdapat perniagaan yang merancang untuk mengambil pekerja baharu, tempoh proses pengambilan yang panjang kekal menjadi cabaran.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** berada pada tahap 49.7 bagi bulan semasa dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Kos operasi pada Januari 2026 dijangka lebih rendah memandangkan perniagaan telah menanggung kos operasi yang lebih tinggi pada bulan Disember 2025 berikutan pembayaran bonus akhir tahun dan perbelanjaan pemasaran bagi promosi jualan akhir tahun. Selain itu, beberapa perniagaan turut melaporkan penurunan kos gaji berikutan pengurangan tenaga kerja berbanding bulan sebelumnya. Bagi Februari 2026 pula, kos menjalankan perniagaan secara keseluruhan dijangka akan meningkat, selaras dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan menjelang musim perayaan.

BSI Januari 2026	
Keadaan Perniagaan	50.2
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan	50.5
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.5
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.7
Pengambilan Pekerja	49.7
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	49.7
Kos Perniagaan	49.7
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.2

8. Dari segi **sektor ekonomi**:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
--	--------	--------	-----------------

	Kesihatan & Pendidikan	50.9	Tahun baharu dan permulaan sesi persekolahan dijangka meningkatkan aktiviti, didorong oleh peningkatan pendaftaran pelajar dan kutipan yuran, serta peningkatan kunjungan pesakit ke klinik dan hospital.
Sentimen Optimistik	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	50.2	Tahap penghasilan yang terus stabil.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1	Sentimen adalah berbeza-beza namun cenderung positif, disokong oleh pemulihan aktiviti dan permintaan selepas berakhirnya tempoh cuti persekolahan. Walau bagaimanapun, keadaan cuaca buruk termasuk banjir di beberapa kawasan telah menjejaskan pengeluaran serta mendorong sentimen pesimistik dalam kalangan perniagaan kecil dan mikro.
Tiada Perubahan	Kewangan & Insurans	50.0	Stabil secara amnya, disokong oleh syarikat takaful/insurans yang menjangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan dasar perlindungan perubatan mandatori, serta perniagaan lain yang menjangkakan aktiviti kembali normal.
	Hotel & Restoran	50.0	Sentimen adalah berbeza-beza, dengan sektor restoran menjangka keadaan perniagaan bertambah baik selepas berakhirnya cuti persekolahan, manakala sektor hotel menjangka aktiviti perniagaan yang lebih rendah berbanding bulan Disember.
	Pembuatan	50.0	Sentimen kekal stabil disokong oleh penyambungan semula operasi seperti biasa serta peningkatan tempahan menjelang sambutan Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri. Walau bagaimanapun, sesetengah perniagaan menjangka cuaca buruk akan menjejaskan penghasilan.
	Perkhidmatan Lain	50.0	Walaupun sentimen berbeza-beza dilaporkan, sentimen optimistik didorong oleh pembaharuan kontrak, projek, penyertaan dalam acara-acara seperti Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan, dan penyambungan semula aktiviti seperti biasa. Sentimen pesimistik pula dikaitkan dengan kelewatan dalam pengesahan projek.

Sentimen pesimistik	Pembinaan	49.9	Kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama, sub-indeks menunjukkan sedikit kecenderungan ke arah pesimistik, berikutan kelembapan dalam aktiviti perniagaan.
	Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	49.9	Pengurangan dalam aktiviti perniagaan.
	Perdagangan Borong & Runcit	49.9	Penamatan promosi jualan akhir tahun serta perbelanjaan pengguna.
	Pengangkutan & Komunikasi	49.3	Penurunan dalam aktiviti perjalanan serta perkhidmatan perayauan data dan internet selepas tamatnya musim percutian.

9. Dari segi **saiz perniagaan**:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Besar	50.3	Peningkatan langganan dan aktiviti perniagaan selepas tamat cuti sekolah.
	Sederhana	50.1	
Tiada Perubahan	Mikro	50.0	Perniagaan kecil dan mikro mengongsikan sentimen yang mendatar, mencerminkan sentimen yang berbeza-beza mengikut sektor.
	Kecil	50.0	

10. Carta BSI dan sub-indeks sejak Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan mpneriagaaaaklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 30 Ramadhan 1447H / 20 Mac 2026M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Januari 2026



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama

berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.